Sorotan Penting tentang Rangka Kerja Kadar Rujukan yang Dikemas Kini

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

1 Rangka Kerja Kadar Rujukan yang dikemas kini hanya akan berkuat kuasa pada **1 Ogos 2022.**

2 Rangka kerja baharu ini memberikan **lebih ketelusan dan memudahkan lagi perbandingan pinjaman antara bank-bank.** Perubahan ini akan membantu pengguna membuat keputusan yang lebih baik berdasarkan maklumat yang mencukupi.

a. Terdapat dua bahagian pada kadar pinjaman: kadar rujukan, yang digunakan oleh bank sebagai asas kepada penetapan harga, dan spread. Di bawah Rangka Kerja Kadar Rujukan yang dikemas kini, **kadar rujukan yang digunakan, iaitu Kadar Asas Standard (Standardised Base Rate, SBR), adalah sama bagi semua bank.** SBR akan dihubungkan hanya kepada Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia.

b. Oleh itu, peminjam akan dapat **membandingkan kadar pinjaman bank-bank dengan lebih mudah** kerana perbezaan kadar pinjaman hanya akan mencerminkan spread pinjaman tersebut. Spread lazimnya berbeza-beza bagi individu dan bank kerana spread tersebut bergantung pada risiko kredit peminjam serta strategi perniagaan setiap bank dan kesanggupan bank untuk mengambil risiko.

Kadar Pinjaman = **Kadar rujukan** + **Spread**

Kos peminjaman bagi pinjaman anda

Cth. Kadar Asas, Kadar Asas Standard

Termasuk premium risiko kredit dan mudah tunai, kos operasi dan margin keuntungan

Kadar Asas *(Base Rate, BR)*

Tidak seragam merentas bank-bank, dan komponennya kurang telus kepada pelanggan

Bank A ≠ Bank B ≠ Bank C

Mulai 1 Ogos 2022

Kadar Asas Standard *(Standardised Base Rate, SBR)*

Diseragamkan merentas institusi perbankan dan hanya akan bertukar apabila OPR berubah

Bank A = Bank B = Bank C

3 Rangka kerja baharu ini HANYA terpakai pada **pinjaman dan pembiayaan berkadar terapung yang baharu bagi individu** mulai 1 Ogos 2022.

Terpakai pada:



(Kadar terapung) Pinjaman perumahan



(Kadar terapung) Pinjaman peribadi

Secara umumnya tidak terpakai pada:



(Kadar tetap) Pinjaman sewa beli



Pinjaman PKS atau korporat

4 Jika anda merupakan peminjam sedia ada yang telah membuat pinjaman sebelum 1 Ogos 2022, perlaksanaan Kadar Asas Standard di bawah rangka kerja yang dikemas kini ini **tidak akan mempengaruhi kadar pinjaman dalam kontrak anda.**

Walau bagaimanapun, sama seperti keadaan sekarang, kadar pinjaman bagi peminjam masih boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti profil risiko kredit peminjam (cth. rekod prestasi bayaran balik pinjaman).

Sila rujuk Panduan Pengguna dan Soalan Lazim tentang Rangka Kerja Kadar Rujukan yang Dikemas Kini melalui bnm.gov.my/RRF2021 untuk maklumat lanjut.